



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545
Faks : 603-8889 5542
E-mail : hasar@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA
Bagi Minggu 28/2011 (10 hingga 16 Julai 2011)

Pada minggu ke-28 tahun 2011 iaitu bagi tempoh 10 hingga 16 Julai, sejumlah 383 kes Demam Denggi dengan tiada kematian telah dilaporkan, menurun sebanyak 65 kes atau 15% berbanding dengan 448 kes dengan 1 kematian pada minggu sebelumnya. Walau bagaimanapun, terdapat 2 buah negeri yang menunjukkan peningkatan berbanding minggu lepas iaitu Terengganu yang meningkat sebanyak 7 kes (88%) dan Perlis meningkat sebanyak 1 kes (100%) (Lampiran A).

Pada tahun 2011 iaitu dari Januari hingga 16 Julai, sebanyak 11,270 kes dilaporkan iaitu penurunan sebanyak 57% atau 15,074 kes berbanding dengan 26,344 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2010. Bagi tempoh yang sama, sebanyak 19 kematian akibat Denggi dilaporkan, menurun sebanyak 77% berbanding 84 kematian pada tahun 2010.

Sejumlah 103 lokaliti wabak denggi dipantau di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut, 5 lokaliti *hot spots* dikenalpasti pada minggu lepas, berbanding 8 lokaliti pada minggu sebelumnya, dengan melibatkan sebanyak 70 kes Demam Denggi (Lampiran C). Satu (1) daripada 5 lokaliti *hot spots* ini masih mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi iaitu di Taman Bukit Rahman Putra di daerah Gombak (Lampiran D). Walaupun keadaan kawasan di Taman Bukit Rahman Putra tidak bersih dan terdapat pembiakan

Aedes yang tinggi, tiada aktiviti gotong royong dijalankan berbanding dengan 4 lokaliti hotspots yang lain, iaitu Apartment Sri Wira dan Kg Simpang Tiga di daerah Gombak, Jalan TPS 2 Taman Pelangi Semenyih di daerah Hulu Langat, Selangor dan Menara Orkid di zon kepong, WP Kuala Lumpur, yang kesemuanya telah menjalankan aktiviti gotong-royong bagi membersihkan kawasan dan menghapuskan tempat pembiakan Aedes.

Penglibatan masyarakat dan agensi lain dalam program pencegahan denggi melalui pengurangan tempat pembiakan Aedes dapat membantu mengurangkan kejadian kes Denggi. Syarikat swasta seperti Sara Lee Malaysia Sdn Bhd terlibat dengan aktif dalam mengerakkan pelajar-pelajar sekolah menengah di seratus buah sekolah iaitu melibatkan lebih dari 1,000 pelajar di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur-Putrajaya dan Johor, untuk melakukan aktiviti mencari dan memusnahkan tempat pembiakan dikawasan perumahan di sekitar sekolah mereka. Penubuhan pasukan pelajar Anti Aedes Renjer Ridsect ini telah berjaya mengunjungi 118,000 buah rumah di tempat masing-masing dan memberi nasihat individu kepada penghuni untuk mencegah denggi . Kementerian Kesihatan berharap banyak lagi agensi swasta yang lain akan mengikuti jejak syarikat Sara Lee Malaysia di masa hadapan.

Bagi Penyakit Chikungunya, terdapat dua (2) kes dilaporkan di Sarawak untuk tempoh 10 hingga 16 Julai 2011. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 19 kes, penurunan sebanyak 97% berbanding dengan 720 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama pada tahun 2010.

DATO' DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

22 Julai 2011

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 28/2011
(10 hingga 16 Julai 2011)**

| Bil. | Negeri | Bilangan Kes dan Kematian di laporkan | | Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 28/2011 | Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 28/2010 |
|------|------------------|---------------------------------------|------------------------------|---|---|
| | | Minggu 28 (10 – 16 Julai 2011) | Minggu 27 (3 – 9 Julai 2011) | | |
| 1 | Perlis | 2 | 1 | 43 | 85 |
| 2 | Kedah | 6 | 10 | 266 | 443 (3) |
| 3 | P. Pinang | 40 | 40 | 1,063 (2) | 675 (2) |
| 4 | Perak | 27 | 28 | 728 (2) | 1,163 (4) |
| 5 | Selangor | 168 | 202 (1) | 4,315 (5) | 11,352 (36) |
| 6 | WPKL & Putrajaya | 37 | 47 | 1,020 (1) | 2,776 (4) |
| 7 | N. Sembilan | 12 | 29 | 431 | 1,238 (6) |
| 8 | Melaka | 7 | 7 | 243 | 375 (6) |
| 9 | Johor | 25 | 27 | 982 (5) | 2,078 (7) |
| 10 | Pahang | 12 | 14 | 549 (1) | 790 (1) |
| 11 | Terengganu | 15 | 8 | 414 (1) | 496 |
| 12 | Kelantan | 13 | 13 | 371 (1) | 946 (3) |
| 13 | Sarawak | 15 | 15 | 573 | 2,624 (11) |
| 14 | Sabah | 4 | 6 | 266 (1) | 1,290 (1) |
| 15 | WP Labuan | 0 | 1 | 6 | 13 |
| | MALAYSIA | 383 | 448 (1) | 11,270 (19) | 26,344 (84) |

Nota: () Kematian

**KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 28/2011
(10 hingga 16 Julai 2011)**

| Bil | Negeri | Bilangan Kes | | Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 28/2011 | Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 28/2010 |
|-----|------------------|---------------------------------------|-------------------------------------|--|--|
| | | Minggu 28 (10 – 16 Julai 2011) | Minggu 27 (3 – 9 Julai 2011) | | |
| 1 | Perlis | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 2 | Kedah | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 3 | P. Pinang | 0 | 0 | 0 | 3 |
| 4 | Perak | 0 | 0 | 2 | 3 |
| 5 | Selangor | 0 | 0 | 1 | 23 |
| 6 | WPKL & Putrajaya | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 7 | N. Sembilan | 0 | 0 | 0 | 1 |
| 8 | Melaka | 0 | 0 | 1 | 0 |
| 9 | Johor | 0 | 0 | 1 | 6 |
| 10 | Pahang | 0 | 0 | 1 | 1 |
| 11 | Terengganu | 0 | 0 | 0 | 1 |
| 12 | Kelantan | 0 | 0 | 0 | 2 |
| 13 | Sarawak | 2 | 0 | 3 | 521 |
| 14 | Sabah | 0 | 0 | 10 | 151 |
| 15 | WP Labuan | 0 | 0 | 0 | 8 |
| | MALAYSIA | 2 | 0 | 19 | 720 |

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 28 BAGI
TAHUN 2011**

| Bil | Negeri | Daerah/Zon/ PBT | Lokaliti | Jumlah Kes | Tempoh Wabak Berlaku (Hari) |
|------------|---------------|----------------------------|---------------------------------------|-----------------------|--|
| 1 | SELANGOR | Gombak | Taman Bukit Rahman Putra | 8 | 42 |
| 2 | SELANGOR | Gombak | Apartment Sri Wira | 13 | 40 |
| 3 | SELANGOR | Gombak | Kg Simpang Tiga | 17 | 39 |
| 4 | SELANGOR | Hulu Langat | Jalan TPS 2 Taman Pelangi Semenyih | 7 | 34 |
| 5 | WPKL | Kepong | Menara Orkid | 25 | 96 |

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR PEMBIAKAN
NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 28
BAGI TAHUN 2011
(10 hingga 16 Julai 2011)**

| Bil | Negeri | Daerah/Zon/ PBT | Lokaliti | Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%) | Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa |
|------------|---------------|----------------------------|-----------------------------|--|--|
| 1 | SELANGOR | Gombak | Taman Bukit Rahman Putra | 2.1 | 4 |